

| | |
|-------------|---------------------------------------|
| Headline | Usaha bersepadu bantu usahawan |
| Date | 18 Nov 2010 |
| MediaTitle | Sinar Harian |
| Section | Selangor & KL |
| Journalist | N/A |
| Frequency | Daily |
| Circ / Read | 60,000 / |

| | |
|--------------|---------------------------|
| Language | Malay |
| Page No | S25 |
| Article Size | 310 cm² |
| Color | Full Color |
| ADValue | 1,705 |
| PRValue | 5,115 |



Usaha bersepadu bantu usahawan

Program Groom Big bangunkan 1,336 syarikat Bumiputera

PUTRAJAYA - Pendekatan bersepadu bagi program pembangunan usahawan Bumiputera dilaksanakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) melalui Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai Program Groom Big berjaya membangunkan 1,336 syarikat Bumiputera yang menghasilkan 1,628 produk berkualiti.

Kebanyakan syarikat Bumiputera yang berjaya dalam program berkenaan terdiri daripada usahawan lima sektor iaitu makanan dan minuman (F&B), seramik dan kaca, kosmetik, herba dan perabot.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Jacob Dungau Sagan berkata, pendekatan bersepadu bagi program pembangunan usahawan Bumiputera dilaksanakan pihaknya adalah melalui Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai Program Groom Big.

"Program ini diadakan bertujuan supaya usahawan PKS mempunyai wawasan tinggi untuk menjadi sebuah entiti yang besar, berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan di peringkat domestik dan global.

"Sambutan dan impak pelaksanaan Program Groom Big sejak 2006 adalah amat memberangsangkan di mana sejumlah 1,336 syarikat Bumiputera sudah dibangunkan dan telah menghasilkan 1,628 produk berkualiti dan mereka terdiri daripada usahawan-usahawan di dalam lima sektor iaitu F&B, seramik dan kaca, kosmetik, herba dan perabot.

"Sesungguhnya bagi mencapai tujuan program ini dilaksanakan, tiga pihak perlu memainkan peranan penting iaitu pihak penerima faedah, pihak penyelaras iaitu Miti dan



Jacob Dungau (dua,kanan) menerima cenderamata daripada Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Samsudin Osman pada majlis berkenaan.

penyumbang (agenzia yang memberi bantuan)", katanya ketika merasmikan Ekspos Usahawan Groom Big Peringkat Nasional 2010 mewakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Mustapa Mohamad.

Menurutnya, peranan Miti disini adalah sebagai penyelaras dalam pembangunan keusahawanan, penghubung antara industri dengan agensi penyumbang, memadankan keperluan industri dengan sumber dan menyalurkan maklumat mengenai perkhidmatan dan bantuan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan terutamanya agensi di bawah Miti.

"Bagi menghubungkan pihak penerima faedah dan pihak penyumbang maka Miti mengadakan kerjasama strategik dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dewan perniagaan, agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D), universiti dan pakar perniagaan.

"Langkah ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti isu-isu dan cabaran

semasa, merangka hala tuju strategik, memberi bantuan khusus yang diperlukan oleh usahawan PKS dan memastikan program mempunyai impak tinggi serta mendatangkan manfaat kepada kumpulan sasar.

"Portal Groom Big merupakan salah satu medium yang dibangunkan untuk aktiviti promosi dan pemasaran produk serta perkhidmatan secara maya yang membekalkan maklumat terkini tentang Program Groom Big, memudahkan capaian oleh orang ramai dan perkongsian maklumat yang bersepadu antara para usahawan dapat dilakukan serta dijadikan satu platform kepada para usahawan dalam meluaskan jaringan perniagaan masing-masing", katanya.

Beliau berkata, dalam usaha membangunkan industri herba negara, Miti berkolaborasi dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan sebanyak 25 syarikat herba tempatan berjaya dibantu menambah baik kualiti produk herba mereka hasil R&D yang dijalankan FRIM.